

04/07/1999

PM selesa aliran semasa indeks BSKL

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasa selesa dengan aliran semasa kedudukan Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang kini melepasi paras 800 mata.

Mengenai andaian kenaikan indeks berkenaan dikatakan terlalu cepat dan mendadak, Perdana Menteri berkata: "Kalau dulupun nilai saham naik sehingga 1,400 mata lebih daripada keuntungan syarikat sendiri... itupun tidak sihat juga."

Beliau berkata, ketika kerajaan menasihati pelabur membeli sewaktu harga saham turun, mereka tidak percaya harga akan melonjak kembali, sesiapa yang beli dulu, sekarang sudah kaya raya.

Jumaat lalu, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan urus niaga tertinggi bagi tahun ini apabila sejumlah 1.258 bilion saham bernilai RM2.524 bilion diniagakan.

Semua indeks utama mencatatkan kenaikan dengan Indeks Komposit melonjak 1.2 peratus atau 10.31 mata kepada 845.62. Ia adalah paras tertinggi dalam tempoh 20 bulan lalu.

Mengenai pemulihan ekonomi pula, Perdana Menteri berkata, terpulanglah kepada pihak yang tidak yakin bahawa ekonomi negara semakin pulih untuk membuat sebarang ramalan.

"Mereka boleh buat ramalan apa pun, pemulihan bukan daripada pasaran saja, macam-macam kita boleh tengok," kata beliau selepas melakukan lawatan peribadi ke Taman Rama-rama, di Taman Tasik Perdana di Kuala Lumpur, semalam.

Diminta mengulas mengenai permintaan supaya ditubuhkan dana khas untuk pembiayaan projek pembangunan, Dr Mahathir berkata beliau belum pasti dan perlu kajian terlebih dahulu. "Saya tidak tahu lagi... saya kena tengok dululah," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata negara sudah mempunyai pelbagai bentuk dana, lebih-lebih lagi dana untuk pembangunan.

(END)